

Qalam

124, Jamadi al-Awwal 1380, November 1960, 60 sen

Dewan Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Nasional di Singapura.

Kerajaan Singapura telah menubuhkan sebuah Dewan Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Nasional. Salah satu tujuan Dewan ini untuk mengadakan buku-buku dan bacaan, terutama mengenai sekolah-sekolah di Singapura. Ketua yang pertama bagi Dewan itu ialah Dr. Slamet Muljana, seorang pakar Bahasa Indonesia (Jawa).

Sekali imbas, tentulah orang-orang menyambut langkah itu terutamanya bagi orang-orang yang memandang perlunya bahasa kebangsaan (Melayu) itu dijadikan bahasa kebangsaan yang mutlak tetapi apabila dipandang bahawa usaha ini adalah semata-mata digunakan di dalam Singapura sahaja maka usaha yang memakan belanja yang besar itu hasilnya tentulah tidak akan diharap selain daripada tujuan-tujuan politik kerajaan yang memerintah.

Melihat kepada cita-cita politik sekalian penduduk di Singapura yang berhajat kepada percantumannya Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu, adanya Dewan Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Singapura itu adalah mendatangkan suatu perkara yang menghairankan, sebab apakah ertinya di dalam sesebuah tempat yang kecil seperti Singapura ini ada suatu Dewan Bahasa Kebangsaan dan Kebudayaan Singapura pada hal di Persekutuan Tanah Melayu telah pun ada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jika dasar hendak bercantum di antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu maka hendaknya janganlah dibuat

sesuatu usaha yang bertujuan memisahkan. Bahkan tidak itu sahaja tetapi juga hendaklah diingat betapa mustahaknya kerajaan menjimatkan segala perbelanjaan untuk meringankan bebanan rakyat.

Kehancuran Ekonomi Singapura

Dr. Goh Keng Swee, Menteri Kewangan telah memberi amaran kepada syarikat buruh supaya berhati-hati di dalam langkahnya kerana semakin hari semakin banyak orang-orang yang tidak bekerja disebabkan perusahaan tidak dapat berjalan dengan baik. Ia takut keadaan buruh banyak berlebihan seperti di Hong Kong di dalam mana bilangan dikehendaki oleh majikan boleh didapati. Dengan keadaan ini kekuatan syarikat buruh kelak akan bertambah lemah.

Keadaan seperti ini menurut pendapat kita, tidak akan berlaku sekiranya dari mula Kementerian Kehakiman hanya mementingkan buruh – dan tidak mengambil endah langsung kedudukan pemodal-pemodal terutamanya pemodal-pemodal kecil. Melihat undang-undang yang dibuat oleh kerajaan PETIR, pemodal-pemodal besar dengan mudahnya memindahkan modal mereka – dan sulit untuk menggalakkan mereka menanam modal di dalam perindustrian jika keadaan buruh berbuat sesukanya seperti sekarang ini.

Tutupnya perusahaan See Keh Tang daripada akibat pemogokan itu adalah suatu peluang yang baik oleh pemodal-pemodal untuk menutup perusahaannya dalam masa sekarang terutamanya di dalam kesulitan-kesulitan perniagaan masa sekarang.

Riwayat tutupnya kilang nenas di Guillemard Road dengan kerajaan semata-mata memandang kepada keutamaan buruh adalah sebagai suatu contoh yang buruk untuk pemodal-pemodal berfikir dua kali untuk menanam modal di Singapura yang kedudukannya bergantung kepada perusahaan semata-mata – benda-benda untuk perusahaan itu diharap dari luar – ertinya pengaruh modal mestilah ada. Modal tidak akan dikeluarkan sekiranya pemodal itu sendiri memandang bahawa mereka tidak berkuasa di atas modalnya, mereka membuka perusahaan adalah dikawal dan dijaga oleh buruhnya. Mereka memandang